

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### **Keanggotaan Lembaga Dalam Lembaga Pertubuhan Peladang (Akta LPP 1973, Akta 110)**

Seksyen 5 (1), Akta LPP 1973 Lembaga LPP terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Menteri:

- (a) Seorang Pengerusi;
- (b) Seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah; dan
- (d) Enam orang anggota lain, tidak lebih daripada empat daripadanya hendaklah daripada perkhidmatan awam.

### **Mesyuarat Lembaga LPP**

Mesyuarat Lembaga LPP dirancang lebih awal dengan tatacara butir maklumat, tempat dan masa. Ini membolehkan Ahli Lembaga LPP merancang jadual dengan sewajarnya untuk memastikan kehadiran penuh di dalam mesyuarat.

Mengikut Jadual Pertama Seksyen 5, Akta LPP 1973 Lembaga LPP hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua bulan dengan korum Lembaga ialah empat orang.

Pada tahun 2013, Lembaga LPP telah bersidang sebanyak enam kali. Perbincangan dan keputusan mesyuarat merangkumi isu-isu belanjawan LPP, perancangan program dan laporan tahunan, hal ehwal operasi dan pentadbiran LPP serta hal-hal lain yang memerlukan kelulusan Lembaga LPP.

Kesemua mesyuarat Lembaga LPP dicatat dan diminitkan atas perbincangan dan keputusan yang dicapai.

### **JAWATANKUASA AUDIT LPP**

Jawatankuasa Audit LPP telah ditubuhkan pada 30 Jun 1993 melalui resolusi Mesyuarat Lembaga Ke-108 Lembaga Pertubuhan Peladang. Sehubungan itu, satu Peraturan Tubuh Jawatankuasa Audit Lembaga Pertubuhan Peladang telah diluluskan oleh pihak berkuasa Lembaga sebagai panduan perjalanan Jawatankuasa ini.

Fungsi Jawatankuasa Audit Lembaga Pertubuhan Peladang yang digariskan dalam Peraturan Tubuh Jawatankuasa Audit ialah:

- a. Mengkaji keperluan Cawangan Audit Dalam termasuk piagamnya.
- b. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman.
- c. Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh audit dalaman yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar.
- d. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalaman dan Luar dan memperakukan tindakan-tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga.

- e. Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan yang lain dikeluarkan.
- f. Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada audit dan lain-lain perkara yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga.
- g. Mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertikaian yang berlaku dalam Badan Berkanun yang berkenaan.
- h. Mempastikan bahawa Badan Berkanun sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan-perubahan pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawai Perakaunan Antarabangsa.
- i. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.

**Keahlian sehingga berakhir 31 Disember 2013**

Ahli	Jawatan
<b>YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib</b> Timbalan Pengerusi LPP	Pengerusi
<b>YBrs. Encik Mohd Kamal bin Haji Husin</b> Ahli Lembaga, wakil Kementerian Kewangan	Ahli
<b>YBrs. Tuan Haji Othman bin Saad</b> Ahli Lembaga, wakil Kementerian Pertanian	Ahli
<b>YBrs. Encik Adam bin Sulong</b> Ahli Lembaga, wakil Unit Perancangan Ekonomi	Ahli
<b>YB Dato' Dr. Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail</b> Ahli Lembaga, bukan dari anggota Perkhidmatan Awam (sehingga 31 Julai 2013)	Ahli
<b>YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris</b> Ahli Lembaga, bukan dari anggota Perkhidmatan Awam (bermula 1 November 2013)	Ahli
<b>YBrs. Encik Mohd Rozalhasle bin Mat</b> Pengurus Cawangan Audit Dalam	Setiausaha

